

Tuduhan kerajaan menyeleweng Buktikan rasuah di mahkamah

Oleh IBRAHIM YAHAYA dan KARIM SULAIMAN

JOHOR BAHRU, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata sesiapa sahaja yang mempunyai bukti bahawa pentadbiran kerajaan sekarang rasuah boleh mem%awanya ke mahkamah dan tidak menuduh secara melulu untuk menganiayakan pihak lain.

Perdana Menteri berkata negara ini mempunyai undang-undang dan mereka boleh membawa bukti yang ada ke mahkamah.

"Kita mempunyai mahkamah dan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Sila buktikan. Amat mudah menuduh orang itu terabit dengan rasuah.

"Tuduh secara melulu semua anggota kastam itu rasuah amat menganiaya orang dan tidak patut dan tidak adil.

"Kalau ada bukti bawa ke mahkamah, kita bicara berasaskan tuduhan itu. Ini cuma kata orang itu rasuah, kerajaan itu rasuah, semua kakitangan rasuazh.

kan rakyat supaya membuat pemilihan tepat dalam menentukan wakil yang dapat memberi dan mendapatkan sesuatu daripada kerajaan.

"Jangan biarkan diri dipengaruhi oleh perasaan kebencian, sebaliknya menimbangkan kebaikan dan keburukan yang diperolehi hasil keputusan pilihanraya (kecil Parlimen kawasan Johor Bahru)," katanya.

Beliau juga meminta penduduk Johor Bahru jangan membuat keputusan berasaskan kebencian terhadap kerajaan.

"Jangan membuat pemilihan berasaskan emosi, kalau ingin melihat pembangunan berterusan," katanya.

batuk Seri Dr Mahathir juga menolak dakwaan kononnya kerajaan mengumumkan beberapa program dan memberi pelbagai janji di negeri itu pada masa ini untuk memancing undi.

"Kita boleh membuat janji. Tetapi saya tidak percaya dengan janji-janji untuk memancing undi. Saya bercakap dengan tidak mengambil kira populariti. Saya bercakap perkara yang benar," katanya.

Perdana Menteri juga berka-

Memancing

"Kalau macam itu kerajaan kita, mustahil untuk dapat mengadakan pembangunan," kata Perdana Menteri ketika menjawab pertanyaan pemberita mengenai dakwaan calon bebas kononnya kerajaan sekarang rasuah.

Isu itu digunakan oleh pembangkang dalam kempen pilihanraya kecil Parlimen kawasan Johor Bahru.

Sambil menyifatkan perbuatan mengutuk dan menabur fitnah oleh calon bebas sebagai 'tuduhan kebudak-budakan' dan tidak perlu dijawab, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau yakin penduduk Johor Bahru tidak akan terpengaruh dengan dakyah itu.

Sebelum itu, berucap kepada 500 kakitangan awam dan badan berkanun di kediaman Menteri Besar di Saujana di sini pagi tadi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata pilihanraya diadakan untuk membentuk kerajaan dan memilih wakil yang boleh memberi manfaat kepada rakyat.

Sebaliknya, menurut Perdana Menteri, ada orang yang siang-siang sudah menyuruh rakyat membenci kerajaan dan menganggap semua yang dibuat oleh kerajaan tidak baik.

"Kalau sudah terpengaruh dengan perasaan benci, semua yang cantik pun hodoh. Hanya (parti) Pas yang suka berbuat demikian," katanya.

Perdana Menteri menasih-

ta kedudukan politik, ekonomi dan pentadbiran negara ini akan 'hancur' jika rakyat tidak mematuhi perlembagaan.

Katanya, ada negara yang 'hancur' sama sekali selepas merdeka kerana rakyatnya tidak mempedulikan Perlembagaan.

"Tetapi Malaysia terus membangun dan menikmati pembangunan kerana rakyatnya mematuhi Perlembagaan," tambahnya.

Beliau berkata kerajaan juga sudah menggubal Perlembagaan bagi menentukan pihak eksekutif, perundangan dan kehakiman menunaikan tanggungjawab masing-masing tanpa mengganggu atau diganggu oleh pihak lain.

"Jika bidang tugas satu pihak diganggu oleh pihak lain, pentadbiran negara akan terancam dan menjadi lemah.

● "Pentadbiran yang lemah tidak dapat menjamin kestabilan dan kesejahteraan dalam sesebuah negara," katanya.

Dalam lawatan selama dua hari di sini, Datuk Seri Dr Mahathir bertemu dengan pekerja BN, kakitangan kerajaan dan masyarakat di sini.

"Saya berpuas hati dengan perjalanan jentera BN di sini dan saya yakin harapan BN untuk memenangi kawasan ini adalah cerah.

"Ini berdasarkan sambutan dan sokongan yang jelas daripada masyarakat yang saya temui," katanya.